

## Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur

*The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review*

NADHIRAH SAKINAH SIDIK, Universiti Kebangsaan Malaysia  
AZLIN ALISA AHMAD<sup>1</sup>, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 14, 2021 Accepted: November 30, 2021 Online Published: December 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### ABSTRAK

*Blockchain merupakan teknologi inovasi baru yang berpotensi menawarkan pelbagai manfaat kepada masyarakat kerana ia boleh diaplikasikan dalam pelbagai industri termasuklah industri kewangan. Kewujudan teknologi blockchain dilihat dapat menjadi satu pelengkap dalam pasaran modal Islam khususnya sukuk memandangkan amalan sukuk masih mempunyai isu seperti kemungkiran janji pembayaran, keaburan risiko, proses penerbitan dan transaksi yang memakan masa yang lama dan kos yang tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan kajian tinjauan awal untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang terdapat dalam sukuk blockchain. Justeru, kajian ini dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif yang berasaskan analisis kandungan. Hasil tinjauan awal kajian ini mendapati bahawa elemen-elemen seperti transparency, traceability, pantas, memudahkan, menjimatkan dan meluaskan pasaran sukuk yang terdapat dalam sukuk blockchain mampu menambahkan lagi penstrukturan sukuk yang sedia ada dan mengatasi masalah-masalah yang terdapat dalam pasaran sukuk. Namun dalam masa yang sama terdapat juga cabaran dan risiko dalam sukuk blockchain seperti kekurangan dari sudut undang-undang, masalah teknikal dan penyesuaian masyarakat dalam mengaplikasikan sukuk blockchain. Walaubagaimanapun, dapatan kajian lepas mendapati kelebihan sukuk blockchain mengatasi kekurangan yang terdapat dalam sukuk blockchain dan mampu menyelesaikan masalah yang terdapat dalam sukuk semasa. Teknologi blockchain telah berjaya membuktikan keberkesananannya dalam sistem wakaf dengan peningkatan tahap ketelusan operasi, mengurangkan kesilapan dan meningkatkan kualiti pengurusan sekaligus menjadikan lebih efisien. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati kelebihan sukuk blockchain dapat menjamin keselamatan data sukuk daripada digodam oleh pihak lain, mencegah risiko kemungkiran bayaran, meningkatkan kualiti operasi penerbitan sukuk dari sudut transparency dan traceability sekaligus meningkatkan ekonomi negara menerusi daya tarikan pelaburan dalam sukuk blockchain. Manakala kekurangan sukuk blockchain merangkumi kesukaran pengawalan operasi sukuk blockchain agar selaras dengan prinsip Syariah kerana ketiadaan undang-undang yang khusus. Kesilapan perisian dalam sukuk blockchain juga boleh terjadi kerana ia masih dalam fasa permulaan dan memerlukan kepada suatu jangka masa bagi proses penyesuaian masyarakat terhadap sukuk blockchain. Kajian ini diharapkan dapat membuka ruang dan peluang untuk mengaplikasikan sukuk blockchain dan memberi manfaat dari sudut pengetahuan kepada semua golongan masyarakat khususnya kepada yang terlibat secara langsung dalam sukuk agar pasaran sukuk terus berkembang seiring dengan perkembangan semasa sekaligus menyumbang kepada kemajuan negara dan mematuhi prinsip syariat Islam.*

*Kata kunci: sukuk, teknologi blockchain, kelebihan, kekurangan, ketelusan*

### ABSTRACT

*Blockchain is a new innovative technology that offers various benefits to the society because it can be applied in various industries, including the financial industry. The existence of blockchain technology is seen to be a complement in the Islamic capital market especially sukuk as sukuk practices still have some issues such as sukuk default, risk ambiguity, time consuming of issuance and transaction processes and high costs. Therefore, this study is a preliminary survey study to identify the advantages and disadvantages found in sukuk blockchain. Thus, this study was conducted using a qualitative research method based on content analysis. Findings show that elements such as transparency, traceability, speed, simplification, saving and expanding the sukuk market found in sukuk blockchain enables to improve the structuring of existing sukuk and overcome the problems in the sukuk market. However, at the same time there are also challenges and risks in sukuk blockchain such as lack of legal point of view, technical*

---

<sup>1</sup> Corresponding author.

*problems and community adaptation in applying sukuk blockchain. The findings of previous studies found that the advantages of sukuk blockchain outweigh the disadvantages found in sukuk blockchain and able to solve the problems found in current sukuk. Blockchain technology has successfully proven its effectiveness in wakaf systems by increasing the level of operational transparency, reducing errors and improving the quality of management while making it more efficient. Therefore, this study found that the advantages of sukuk blockchain can ensure the security of sukuk data from being hacked by others, prevent the risk of payment default, improve the quality of sukuk issuance operations in terms of transparency and traceability also improving the national economy through investment attractiveness in sukuk blockchain. While the lack of sukuk blockchain includes the difficulty of regulating the operation of sukuk blockchain to be in line with Shariah principles due to the absence of specific laws. Software errors in sukuk blockchain can also occurs because it is still in its initial phase and requires a period of time for the community's adaptation process to sukuk blockchain. This study hopes to open space and opportunities to apply sukuk blockchain and provide benefits in terms of knowledge in all levels of society, especially those directly involved in sukuk, so that the sukuk market continues to grow in line with current developments as well as contribute to the nation's progress and comply with Shariah principles.*

*Keywords: sukuk, blockchain technology, avateges, disadvantages, transparency*

## PENGENALAN

Kemajuan teknologi dalam era digitalisasi pada masa kini telah mewujudkan pelbagai teknologi baru untuk dimanfaatkan dalam pelbagai sektor. Antara teknologi baru yang semakin berkembang dengan pesat dan diguna pakai secara meluas diperingkat antarabangsa adalah blockchain (Zarinah, 2017). Selaras dengan gerakan Industri Revolusi 4.0 (IR 4.0), Industri Kewangan Islam di Malaysia perlulah memanfaatkan teknologi blockchain dalam meningkatkan lagi ekonomi negara dengan mempelbagaikan perkhidmatan yang ditawarkan agar ianya bergerak seiring dengan perkembangan semasa. Blockchain merupakan hasil daripada gabungan teknologi dan inovasi yang mempunyai potensi besar untuk maju apabila dimanfaatkan dalam pasaran modal Islam khususnya sukuk. Manfaat teknologi blockchain boleh diperhatikan dari sudut menggunakan kos operasi yang lebih rendah, lebih kompetitif, mudah, jelas, selamat serta mempunyai capaian yang lebih baik (Finyear, 2018).

Kelebihan yang terdapat dalam teknologi blockchain menjadikan sukuk blockchain dilihat dapat melengkapkan lagi pasaran sukuk melalui ciri-ciri yang terdapat dalam blockchain yang boleh diselaraskan dengan syariat Islam. Selain itu, sukuk blockchain juga dilihat mampu memberi perkhidmatan yang lebih baik jika mereka menerima kewujudan teknologi blockchain ini dengan minda terbuka, bekerjasama dan melabur bagi mewujudkan produk dan perkhidmatan menggunakan teknologi blockchain. Hal ini kerana pada era masa kini, revolusi teknologi blockchain mempunyai kesan yang positif kepada kualiti pasaran kerja dan sektor kewangan negara. Penerima manfaat terbesar adalah pelanggan kerana memudahkan mereka mendapat produk yang lebih baik dengan harga yang berpatutan.

Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sorotan literatur mengenai kelebihan dan kekurangan sukuk blockchain. Memandangkan adalah penting bagi industri kewangan Islam di

Malaysia untuk menilai sukuk blockchain demi perkembangan ekonomi negara.

## LATARBELAKANG KAJIAN

Sukuk blockchain adalah produk inovasi gabungan produk pasaran modal Islam iaitu sukuk dengan teknologi blockchain. Pasaran sukuk telah berjaya berkembang dengan lebih pesat berbanding konvensional dan telah menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara terutama di Malaysia. Malaysia merupakan peneraju utama dalam pasaran modal Islam terutamanya sukuk (Berita Harian, 2020). Sukuk merupakan instrumen kewangan Islam yang bertujuan untuk mengumpulkan dana atau modal mengikut prinsip syariat Islam dan seterusnya dana atau modal tersebut akan dipindahkan berdasarkan kontrak yang mendasari sesuatu sukuk samada kepada kerajaan atau syarikat bagi membangunkan sesuatu projek. Ini menjelaskan bahawa sukuk merupakan salah satu pelaburan Islam yang terlibat dengan projek yang berskala besar. Oleh yang demikian, sukuk terdedah dengan pelbagai isu, risiko dan sebagainya.

Blockchain pula merupakan teknologi yang digunakan secara atas talian sepenuhnya dan berfungsi untuk merekod segala transaksi urusniaga yang dilakukan dan menyimpan data secara maya dengan selamat (Alam et.al, 2019). Nugraha (2020) menyatakan bahawa teknologi blockchain adalah implementasi teknologi *internet-based*. Bentuk hubungan blok dengan blok secara berangkai dan diedar kepada jutaan komputer diseluruh dunia menjadikan maklumat di dalam teknologi blockchain selamat daripada digodam oleh pihak luar (Nabilah et. al, 2018). Ini kerana sebarang perubahan yang ingin dilakukan dalam teknologi blockchain perlu mendapatkan persetujuan (*consensus*) daripada keseluruhan rangkaian yang mempunyai jaringan dalam teknologi blockchain. Bahkan setiap pengguna teknologi blockchain juga boleh melihat data dan maklumat yang sama (Khalid, 2018). Ini menjadikan teknologi blockchain mempunyai elemen telus dan

jelas (*transparency*) (Khan et. al 2020). *Transparency* memainkan peranan penting sebagai pengukur kepatuhan Syariah dalam setiap transaksi yang dilakukan (Shaikh & Zaka, 2019). Penyimpanan data secara tidak berpusat (*decentralized*) juga meningkatkan lagi privasi keselamatan data dan ketelusan sesuatu transaksi dalam teknologi blockchain kerana setiap individu yang mempunyai jaringan dalam teknologi blockchain memperoleh maklumat data tersebut. Secara tidak langsung ia menjadikan segala data dan transaksi dalam teknologi blockchain adalah lebih telus, tepat, konsisten, boleh dijejaki (*traceability*) dan selamat (Zaipul, 2019).

Blockchain adalah sebuah teknologi yang boleh diprogramkan atau disetkan (Maghdeed, 2019). Teknologi blockchain terbahagi kepada tiga kategori iaitu *public*, *private* dan *hybrid* yang dikenali juga sebagai *consortium*. Setiap kategori ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri (Elasrag, 2019).

- i. *Public blockchain* adalah rangkaian blok yang tidak mempunyai pemilik tunggal dan semua pengguna mempunyai hak yang sama rata untuk melihat perjalanan sistem dan mengemaskini sistem yang menggunakan *public blockchain*. Salah satu contoh penggunaan *public blockchain* adalah bitcoin.
- ii. *Private blockchain* adalah rangkaian blok peribadi yang menghadkan kepada entiti yang menggunakan *private blockchain* sahaja untuk mengawal dan mengemaskini sesuatu sistem yang menggunakan *private blockchain*.
- iii. *Hybrid blockchain* pula adalah rangkaian blok secara umum tetapi dihadkan penggunaan hanya kepada sebahagian entiti yang menggunakan *hybrid blockchain* sahaja. Sesuatu sistem itu hanya dikendalikan oleh sebahagian pihak sahaja tetapi kesemua entiti yang menggunakan *hybrid blockchain* dapat melihat proses sistem tersebut.

Elemen-elemen yang terdapat dalam blockchain menjadikan sukuk blockchain mampu melancarkan proses penerbitan sukuk dengan lebih cepat, menjimatkan dan efisien serta menjadikan transaksi sukuk lebih fleksibel, efektif, jelas, telus, selamat dan nyata selaras dengan syariat Islam (Shaikh & Zaka 2019). Selain itu, blockchain merupakan salah satu teknologi yang terdapat dalam *fintech*. Industri Kewangan Islam hendaklah memanfaatkan potensi yang wujud dalam *fintech* untuk meningkatkan lagi perkhidmatan dan produk yang ditawarkan seiring dengan era digitalisasi (Nabilah et. al, 2018). Mohamad Sofee (2020) menyatakan pada masa kini penggunaan *fintech* dalam sistem konvensional berkembang pada kadar yang lebih cepat dan keadaan ini masih perlahan dalam sektor kewangan Islam (Berita Harian, 2020). Kemunculan *fintech* dalam sistem kewangan Islam akan menjadikan ianya lebih kompetitif dan mempunyai potensi yang besar dengan

aset dijangka mencecah AS\$3.9 trilion bersamaan RM16.3 trilion menjelang 2023 (Metro, 2019).

Aplikasi *fintech* dalam kewangan Islam dilihat sebagai suatu maslahat kepada industri kewangan Islam (Laldin & Djafri, 2019). Ini membuktikan bahawa teknologi blockchain mempunyai maslahat sekiranya diaplikasikan dalam kewangan Islam. Oleh yang demikian, melalui elemen-elemen yang terdapat dalam blockchain dapat dirumuskan bahawa sukuk blockchain mampu mengharmonikan operasi dalam penstrukturan sukuk yang sedia ada dan mampu berdaya saing serta berkembang dalam pasaran modal diserata dunia sekaligus meningkatkan lagi ekonomi negara.

#### PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Terdapat kritikan mengenai ketidakpatuhan Syariah dalam penstrukturan sukuk, proses penerbitan yang rumit, melibatkan ramai pihak, kos yang tinggi dan kemungkiran dalam sukuk. Kajian Dzubaidah dan S.Shahida (2013) merekodkan terdapat 24 kes kemungkiran sukuk sepanjang tempoh lapan tahun iaitu pada tahun 2002 - 2010. Manakala dalam kajian Azizur dan Mansor (2017) mendapati penjagaan aset pendasar atau aliran tunai perlu diperhatikan dalam sukuk agar tindakan yang sepatutnya dapat dilakukan seperti dapat mengambil tindakan pembetulan dengan cepat. Hal ini dapat diketahui dan dipantau melalui penjejakan aset pendasar. Justeru ia menjelaskan bahawa aset dasar adalah antara elemen utama dalam memastikan sesuatu transaksi sukuk itu patuh syariah atau sebaliknya. Melalui pengesanan aset pendasar ia akan mengurangkan keterdedahan terhadap beberapa risiko yang akan berlaku dalam transaksi sukuk. Antara risiko yang terdapat dalam sukuk juga adalah kemungkiran janji pembayaran (*default payment*) aset pendasar atau keuntungan sesuatu projek. Hal ini terjadi kerana berlaku ketidakmampuan menguruskan sukuk yang diterbitkan. Menurut Azizur dan Mansor (2017), sukuk perlu mempunyai jualan benar (*true sale*) supaya mudah SPV untuk mengurus dan menggunakan aset pendasar sekiranya berlaku risiko kemungkiran sukuk iaitu syarikat tidak boleh membayar wang pelaburan semula kepada pelabur. Oleh itu, elemen telus dan jelas perlu wujud dalam setiap transaksi sukuk.

Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa bagi mengelakkan berlakunya risiko, pendedahan maklumat (*disclosure*) terhadap produk sukuk amat penting dan perlu bagi menjaga kemaslahatan dalam produk sukuk dan ia dapat menolak daripada berlakunya ketidaktelusan dalam transaksi sukuk dan menutup ruang kritikan terhadap pasaran sukuk. Ketidaktelusan juga akan menyebabkan kemungkiran janji pembayaran yang menyebabkan kerugian kepada pelabur dan ia perlu dihindari dalam setiap model penstrukturan sukuk. Elemen ini dan cara sebegini, kemungkinan orang bukan Islam tertarik dengan pasaran modal Islam (Azizur & Mansor, 2017). Alam et.al (2013)

menyatakan setelah mengkaji kesan impak terhadap kekayaan pemegang sukuk antara tahun 2004-2012, konsep pematuhan syariat dan maqasid syariah perlu diperkukuhkan lagi dalam penerbitan sesuatu sukuk supaya isu kemungkiran janji dapat diselesaikan. Terdapat juga pandangan bahawa dalam membangunkan produk sukuk, ia perlu melihat masalah kos perundangan yang meningkatkan kos tambahan dalam mewujudkan produk Islam. Antaranya Suruhanjaya Sekuriti (2019) meletakkan syarat mana-mana institusi yang akan menerbitkan sukuk mestilah melantik penasihat syariah tersendiri. Pelantikan penasihat syariah tersendiri akan meningkatkan kos dalam menerbitkan sesuatu sukuk. Ini tidak menggalakkan pembangunan dan pertumbuhan produk Islam (Azizur & Mansor, 2017).

Shaikh & Zaka (2019) dalam kajian mereka mencadangkan penggunaan sukuk blockchain bagi mengatasi permasalahan yang terdapat dalam struktur sukuk yang sedia ada. Perkara ini juga disokong oleh Hamza (2020) dalam kajian beliau yang menyatakan pengaplikasian blockchain dalam sukuk akan menjadikan sukuk blockchain salah satu produk dibawah kategori kontrak pintar yang mampu menawarkan pelbagai kelebihan berbanding struktur sukuk yang sedia ada. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengenalpasti terlebih dahulu kelebihan dan kekurangan yang terdapat dalam sukuk blockchain untuk melihat kesesuaian penggunaannya dalam penstrukturan sukuk sedia ada.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengguna pakai kaedah analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian ini kerana kaedah penyelidikan ini merupakan kaedah yang sesuai bagi mendapatkan maklumat mengenai kelebihan dan kekurangan sukuk blockchain. Kajian ini tidak melibatkan kaedah kajian kuantitatif yang menghasilkan hipotesis dalam kajian. Manakala bagi kaedah pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis terhadap kandungan menggunakan sumber sekunder sahaja. Rujukan sekunder seperti buku, keratan akhbar, tesis, artikel, jurnal, laman sesawang dan sebagainya digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian ini untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan sukuk blockchain, kemampuan teknologi blockchain, penggunaan teknologi blockchain, isu-isu berkaitan sukuk dan lain-lain lagi. Seterusnya dapatan tersebut dianalisis menggunakan pendekatan metode deskriptif.

## HASIL SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan objektif kajian ini iaitu mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang terdapat dalam sukuk blockchain, didapati aplikasi teknologi blockchain masih diperingkat awal dalam pelbagai bidang termasuklah sukuk, namun keberkesanan penggunaan teknologi blockchain telah terbukti menyelesaikan

beberapa masalah dan mempertingkatkan lagi kualiti dalam pelbagai bidang. Kenyataan ini disokong melalui kajian Eka et. al (2020) yang menyatakan pemanfaatan teknologi blockchain pada platform *crowdfunding* dapat melindungi dan merekod data transaksi secara telus dan jelas sekaligus dapat mengelakkan daripada berlakunya penipuan untuk keuntungan peribadi. *Crowdfunding* adalah salah satu platform pengumpulan dana secara cepat menerusi media internet yang disalurkan kepada orang-orang yang memerlukan atau permodalan bagi sesuatu projek yang ingin dibangunkan. Penggunaan teknologi blockchain dalam pengurusan zakat juga dilihat dapat memantapkan lagi sistem pengurusan dan perkhidmatan zakat di Malaysia (Nabilah et. al, 2018).

Disamping itu, pemanfaatan teknologi blockchain dalam bidang lain juga dilihat dapat memberikan manfaat. Antaranya untuk mencatat dan merekod segala bentuk perjanjian atau transaksi dalam pemerintahan negara dilihat dapat mengelakkan daripada berlakunya rasuah, penipuan, penyeludupan dan sebagainya (Probank, 2017). Pengaplikasian teknologi blockchain dalam bidang pendidikan juga dapat memberikan manfaat seperti mencegah aktiviti pemalsuan sijil ijazah (Untung et. al, 2020). Kenyataan tersebut disokong oleh kajian yang dilakukan Nabilah et. al (2018) apabila Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menggunakan teknologi blockchain bagi melancarkan sistem pengurusan dari sudut pengesahan ketulenan sijil pelajar dan merekod sistem pembayaran (e-wallet) tanpa wang tunai bagi pembelian barang keperluan di kampus. Tambahan pula, pada masa kini dunia mengalami pandemik Covid-19 yang membataskan pergerakan dan komunikasi manusia. Namun melalui teknologi blockchain segala rekod data dan transaksi dapat diakses dari pelbagai tempat (Rita, 2020). Kajian Fajar et. al (2021) mendapati teknologi blockchain juga boleh diaplikasikan dalam bidang pertanian. Aplikasi teknologi blockchain dalam bidang pertanian menjadikan sistem pengurusan pertanian lebih cekap, pantas dan efisien, dapat meminimumkan peranan perantara (*broker*), memelihara kesejahteraan dan memberikan keuntungan kepada petani serta pihak berkuasa dapat memantau harga sesetengah hasil pertanian yang terpengaruh dengan inflasi. Hal ini membuktikan bahawa teknologi blockchain boleh dimanfaatkan dalam pelbagai bidang dan mempunyai keberkesanan dalam meningkatkan kualiti suatu produk. Penggunaan teknologi blockchain secara nyata dalam pelbagai bidang masih diperingkat awal di Malaysia dan masih kurang pengambilan maafaatnya. Ini kerana kemungkinan adalah disebabkan pengetahuan dan pemahaman tentang konsep dan manfaat yang mampu ditawarkan masih lagi samar dan tidak jelas. Malah, blockchain juga sering kali disalah erti oleh masyarakat sebagai bitcoin. Tidak dapat dinafikan, teknologi blockchain dikenali melalui bitcoin yang diasakan oleh Satoshi Nakamoto, akan tetapi fungsi

yang ditawarkan dan dimainkan oleh blockchain dan bitcoin adalah berbeza (Kunhibava et. al, 2020). Oleh yang demikian, sukuk blockchain masih belum diaplikasikan di Malaysia.

Berdasarkan dapatan dan penelitian yang dijalankan dalam kajian lepas, didapati bahawa sukuk blockchain mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri:

#### Kelebihan Sukuk Blockchain

Maghdeed (2019) menyatakan bahawa sukuk blockchain merupakan satu penyelesaian terhadap isu-isu yang terdapat dalam sukuk. Ini kerana berdasarkan ciri-ciri yang terdapat teknologi blockchain seperti yang dinyatakan dalam kajian ini menjadikan sukuk blockchain mempunyai kelebihan tersendiri berbanding sukuk yang sedia ada. Antara kelebihan sukuk blockchain:

##### i. Ketelusan transaksi

Ketelusan merupakan elemen penting dalam memastikan sesuatu produk itu patuh syariah atau sebaliknya. Sukuk blockchain didapati mampu meningkatkan lagi ketelusan transaksi sukuk. Ketelusan transaksi menggunakan sukuk blockchain dapat dijamin kerana data-data transaksi yang dilakukan dalam blockchain akan diedarkan dalam komputer yang mempunyai jaringan blockchain yang sama dengan data yang ada pada individu yang melakukan transaksi. Data-data dalam teknologi blockchain tidak dapat diubah melainkan dengan adanya persetujuan atau kata sepakat antara semua komputer yang terdapat dalam jaringan blockchain (Zaipul, 2019). Ini menjadikan teknologi blockchain dapat menjamin keselamatan data sukuk daripada digodam oleh pihak lain. Oleh yang demikian, sukuk blockchain mampu meningkatkan tahap kepercayaan pelabur dan meningkatkan lagi ekonomi negara (Finyear, 2018). Keberkesanan teknologi blockchain dapat dilihat melalui platform yang disediakan oleh Finterra untuk tujuan wakaf menggunakan teknologi blockchain yang berjaya meningkatkan tahap ketelusan, mengurangkan kesilapan, meningkatkan kualiti pengurusan dan secara tidak langsung menjadikannya lebih efisien (Khalid, 2018).

##### ii. Mudah untuk dijejaki

Elemen penjejakan juga dapat meningkatkan lagi keyakinan pelabur dalam sukuk yang menggunakan teknologi blockchain (Shaikh & Zaka, 2019). Selain itu, segala maklumat mengenai transaksi, informasi direkod dengan baik dan dapat disampaikan dengan pantas. Disamping itu, masalah dan risiko juga dapat dikesan dengan pantas sekaligus mampu mencegah risiko kemungkiran bayaran serta menjimatkan masa dan kos (Untung et.al, 2020). Ini kerana teknologi blockchain secara keseluruhannya menggunakan kemudahan atas talian. Bahkan elemen *traceability* dalam sukuk blockchain juga dapat mengurangkan risiko sekuriti sukuk kerana kajian Azian (t.t)

mendapati cabaran sekuriti sukuk adalah lebih tinggi berbanding bon konvensional. Oleh yang demikian, sukuk blockchain bukan sahaja mengandungi teknologi yang selamat bahkan ia juga merupakan mempunyai pelbagai kelebihan yang boleh dimanfaatkan bagi melengkapkan lagi penstrukturan sukuk yang sedia ada di Malaysia.

##### iii. Pantas, memudahkan, menjimatkan dan meluaskan pasaran sukuk

Perkembangan teknologi saban hari makin berkembang mengikut arus peredaran semasa dan selaras dengan keperluan manusia. Oleh itu, sukuk blockchain dilihat mampu bergerak seiring dengan kemajuan semasa. Aplikasi teknologi blockchain dalam sukuk dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul dalam sukuk samada berkaitan proses penerbitan, transaksi dan lain-lain. Sukuk blockchain dilihat mampu mengurangkan kos penerbitan sukuk, kos transaksi serta dapat menjimatkan masa (Khan et. al, 2020). Kenyataan ini disokong oleh kajian Kunhibava et. al (2020) apabila kajian mereka mendapati bahawa teknologi blockchain dapat mengurangkan kos, mengurangkan keterdedahan kepada risiko, proses penerbitan yang lebih pantas, menjimatkan serta sistem operasi secara 24 jam. Hamza (2020) juga menyatakan bahawa antara kelebihan sukuk blockchain ialah boleh diakses oleh ramai pelabur, meluaskan pasaran sukuk, mempunyai keupayaan pemprosesan yang pantas, jelas dan telus, kos transaksi yang rendah, memudahkan untuk proses audit, meminimumkan proses operasi seperti keperluan kepada dokumen, tandatangan dan lain-lain lagi, urusaniaga yang beroperasi 24 jam sekaligus menjadikan pasaran sukuk semakin berkembang. Hal ini juga akan menyumbang kepada peningkatan kualiti pasaran sukuk di Malaysia.

#### Kekurangan Sukuk Blockchain

Sukuk blockchain masih baru dalam pasaran modal Islam. Pengaplikasian sukuk blockchain masih belum meluas dan masih dalam kajian. Ini kerana terdapat beberapa kekurangan dalam sukuk blockchain. Antaranya ialah:

##### i. Kekurangan dari sudut perundangan

Kekurangan undang-undang di Malaysia mengenai sukuk blockchain (Kunhibava et.al, 2020). Hal ini akan mengakibatkan timbulnya pelbagai isu yang akan mempertikaikan sukuk blockchain. Ketiadaan undang-undang khusus mengenai sukuk blockchain akan menyukarkan untuk mengawal operasi sukuk blockchain agar selaras dengan prinsip Syariah Islam.

##### ii. Mengalami masalah teknikal

Kajian Hamza (2020) menyatakan bahawa kesilapan perisian juga boleh terjadi dalam sukuk blockchain kerana ianya melibatkan teknologi dan masih dalam tempoh fasa permulaan. Hal ini terjadi kerana masalah dari teknologi yang belum matang.

iii. Penyesuaian masyarakat  
Pengaplikasian sukuk blockchain pada awalnya akan menghadapi masalah dari sudut penyesuaian masyarakat (Hamza, 2020). Ini kerana sukuk blockchain masih diperingkat awal dan masih kurang pendedahan pengetahuan mengenai sukuk blockchain dalam kalangan masyarakat.

Jadual 1 Kelebihan dan kekurangan sukuk blockchain

Kelebihan Sukuk Blockchain	Kekurangan Sukuk Blockchain
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketelusan transaksi (<i>transparency</i>)</li> <li>• Mudah untuk dijejaki (<i>traceability</i>)</li> <li>• Pantas, memudahkan, menjimatkan dan meluaskan pasaran sukuk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan dari sudut undang-undang</li> <li>• Mengalami masalah teknikal</li> <li>• Penyesuaian masyarakat</li> </ul>

#### PERBINCANGAN HASIL SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan, bahagian ini boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu kelebihan dan kekurangan sukuk blockchain.

##### A. Kelebihan Sukuk Blockchain

Jadual 2 Kelebihan sukuk blockchain

No	Nama Penulis	Hasil Kajian
1	Maghdeed (2019); Shaikh & Zaka (2019)	Sukuk blockchain merupakan penyelesaian terhadap isu-isu yang terdapat dalam sukuk
2	Zaipul (2019)	Sukuk blockchain didapati mampu meningkatkan lagi ketelusan transaksi sukuk. Data-data dalam teknologi blockchain tidak dapat diubah melainkan dengan adanya persetujuan semua komputer yang terdapat dalam jaringan blockchain. Ini menjadikan teknologi blockchain dapat menjamin keselamatan data sukuk daripada digodam oleh pihak lain.
3.	Finyear (2018)	Sukuk blockchain mampu meningkatkan tahap kepercayaan pelabur dan meningkatkan lagi ekonomi negara.

4. Shaikh & Zaka (2019) Elemen penjejakan (*traceability*) juga dapat meningkatkan lagi keyakinan pelabur dalam sukuk yang menggunakan teknologi blockchain
5. Untung et.al (2020) Sukuk blockchain dapat mencegah risiko kemungkiran bayaran
- Khan et.al (2020); Kunhibava et. al (2020); Hamza (2020) Sukuk blockchain dilihat mampu mengurangkan kos penerbitan sukuk, kos transaksi serta dapat menjimatkan masa dan proses penerbitan yang lebih pantas.

##### B. Kekurangan Sukuk Blockchain

Jadual 3 Kekurangan sukuk blockchain

No	Nama Penulis	Hasil Kajian
1.	Sherin et al. (2020)	Ketiadaan undang-undang khusus mengenai sukuk blockchain akan menyukarkan untuk mengawal operasi sukuk blockchain agar selaras dengan prinsip Syariah Islam
2.	Hamza (2020)	Boleh terjadi kesilapan perisian dalam sukuk blockchain kerana ianya melibatkan teknologi yang masih belum matang dan masih dalam tempoh fasa permulaan. Pengaplikasian sukuk blockchain pada awalnya akan menghadapi masalah dari sudut penyesuaian masyarakat.

Berdasarkan analisis ini, didapati bahawa kelebihan sukuk blockchain dilihat mampu melengkapkan lagi penstrukturan sukuk di Malaysia dalam menampung kelemahan dalam amalan semasa serta kelebihan sukuk blockchain dilihat mengatasi kekurangannya. Sukuk blockchain adalah selari dengan polisi kerajaan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan ICT seiring kepesatan teknologi. Sukuk blockchain juga mampu meningkatkan kecekapan transaksi sukuk yang semakin berkembang selaras dengan kemajuan teknologi dalam era digitalisasi pada masa kini. Walaupun terdapat kekurangan dalam sukuk blockchain, namun ia bukanlah penghalang untuk mengaplikasikan sukuk blockchain sekiranya sukuk blockchain diterima oleh pihak kerajaan dan masyarakat kerana kekurangan yang terdapat dalam sukuk blockchain mampu diatasi dengan penerimaan sukuk blockchain dan kerjasama dengan beberapa pihak. Kewujudan garis panduan dan perundangan menurut Syariah Islam mengenai sukuk blockchain

akan mengatasi kekurangan dalam sukuk blockchain. Pendedahan mengenai operasi dan struktur sukuk blockchain kepada masyarakat khususnya pelabur sukuk mampu memberikan maklumat kepada masyarakat. Dapatan mengenai kelebihan dan kekurangan sukuk blockchain dalam kajian ini telah melengkapkan objektif bagi kajian ini iaitu mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang terdapat dalam sukuk blockchain. Namun berdasarkan kajian-kajian lepas, masih terdapat lompong kajian yang belum menyentuh mengenai kemampuan teknologi blockchain dalam penstrukturan sukuk di Malaysia bagi melengkapkan lagi penstrukturan sukuk yang sedia ada. Ini kerana terdapat banyak potensi yang boleh dipenuhi oleh blockchain dalam sukuk.

Oleh yang demikian, kajian mengenai kemampuan teknologi blockchain dalam penstrukturan sukuk di Malaysia perlu dijalankan untuk melihat sejauhmana kesesuaian dan keupayaan sukuk blockchain dalam menyelesaikan masalah yang terdapat dalam sukuk di Malaysia dan meningkatkan lagi kualiti sukuk yang sedia ada serta menyahut saranan kerajaan ke arah melahirkan kewangan yang mampan. Disamping itu, Malaysia mempunyai ruang dan peluang yang besar untuk mengaplikasikan teknologi blockchain dalam sukuk kerana di Malaysia wujudnya industri seperti Finterra yang boleh berkerjasama dalam merealisasikan pengaplikasian sukuk blockchain kerana Finterra adalah sebuah syarikat yang membangunkan teknologi blockchain.

#### KESIMPULAN

Kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap kelebihan dan kekurangan sukuk blockchain. Daripada tinjauan yang dilakukan didapati selaras dengan era digitalisasi masa kini dan kehidupan norma baru, kemampuan sukuk blockchain dapat menambahkan lagi pasaran sukuk dari sudut penerbitan dan operasi sukuk yang sedia ada terutama di Malaysia. Ini kerana aplikasi teknologi blockchain dalam sukuk dapat membentuk transaksi yang lebih lengkap, telus, pantas, efisien dan mematuhi syariat Islam. Namun, terdapat juga risiko dalam sukuk blockchain kerana ia melibatkan pengendalian teknologi serta produk yang baru yang memerlukan masa untuk penyesuaian masyarakat. Tambahan pula terdapat kekurangan dari undang-undang dan kesilapan perisian juga boleh terjadi. Oleh itu, aspek pelaksanaan sukuk blockchain perlu diperkemas lagi agar tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab serta dapat mengelakkan timbulnya isu-isu dalam penstrukturan sukuk khususnya di Malaysia. Tambahan pula Malaysia adalah salah satu negara yang menjadi peneraju utama sukuk. Hasil pasaran sukuk telah berjaya meningkatkan lagi ekonomi negara Malaysia. Lantaran itu, pelaksanaan sukuk blockchain memerlukan inovasi dari sudut undang-undang dan beberapa faktor yang lain bagi melengkapkan lagi

struktur sukuk blockchain sekaligus mengekalkan prestasi dan mengukuhkan lagi pasaran sukuk. Disamping dapat mengelak daripada berlakunya kerugian atau ketidakupayaan kredit dalam penstrukturan sukuk di Malaysia. Sukuk blockchain bukanlah untuk menghapuskan sukuk tradisional, akan tetapi untuk mempelbagaikan lagi produk sukuk yang sedia ada. Disamping menyahut saranan kerajaan ke arah melahirkan kewangan yang mampan.

#### RUJUKAN

- Ahmad Azam, S., Muhammad, H. & Nur Maizatul, D. D. (2018). "Sukuk Credit Rating" Di Malaysia: Perbandingan di antara RAM dan MARC. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*.
- Anon. (2017). *Majalah Probank*. Jakarta: Perbanas.
- Azian Madun. t.t. *Cabaran Pensekuritian Sukuk dalam Sistem Kewangan Islam*. t.p.
- Dzubaidah, Z. A. & S. Shahida. (2013). Sukuk "Asset-Based" Berbanding Sukuk "Asset-Backed": Kes Kemungkinan Sukuk. *Prosiding Perkem VIII*, 574-585.
- Eka, P. H., Qurrotul, A. & Reza, K. A. (2020). Pemanfaatan Teknologi Blockchain pada Platform Crowdfunding. *Technomedia Journal*.
- Elasrag, H. (2019). *Blockchain for Islamic Finance: Obstacles & Challenges*. MPRA Paper No. 92676.
- Fajar, D. W., Sri Nurdiani, Agus, B & Edi, S., (2021). *Blockchain dan Kecerdasan Buatan dalam Pertanian: Studi Literatur*. *Jurnal Teknologi Informasi dan Ilmu Komputer*.
- Finyear. (2018). *The Future of Banking: Blockchain May be the Sukuk Industry's Missing Link*. 24 Oktober.
- Hamza, O. (2020). *Smart Sukuk Structure from Sharia Perspective and Financing Benefits: Proposed Application of Smart Sukuk through Blockchain Technology in Islamic Banks within Turkey*. *European Journal of Islamic Finance*. <https://doi.org/10.13135/2421-2172/3983>
- Laldin, M. A. ., & Djafri, F. (2019). *Islamic Finance in The Digital World: Opportunities and Challenges (Kewangan Islam dalam Dunia Digital: Peluang dan Cabaran)*. *Journal of Islam in Asia*, 16(3), 283-299. <https://doi.org/10.31436/jia.v16i3.853>
- Maghdeed, F. (2019). *SukukChain: A Blockchain Solution for Islamic Capital Markets*. *MIA*, 14 Ogos.
- Metro. (2019). *Fintech Tingkat Capaian Perniagaan, Pelanggan*. 14 Oktober.
- Mohamad Sofee, R. (2020). *Perluas Potensi Fintech dalam Kewangan Islam*. *Berita Harian*, 7 September.

- Muhammad Azizur, R. R., & Mansor, S. (2017). Tahap Pelaksanaan Maqasid Syariah dalam Pembangunan Produk Sukuk di Malaysia : Satu Kajian Kualitatif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 2 (1).
- Nafis A., Hassan, M.K & Haque, M. A. (2013). Are Islamic Bonds Different From Conventional Bonds? *International Evidence From Capital Market Tests. Borsa Istanbul Review* 13(3), 22-29.
- Nafis A., Lokesh, G. & Zamani, A. (2019). *Fintech and Islamic Finance Digitalization, Development and Disruption. Switzerland: Springer Nature.*
- Nida K., Bilal K., Nissar A. Y., Zsofia K.I, Anass P. & Radu S. (2020). Tokenization of Sukuk: Ethereum Case Study. *Global Finance Journal*.  
<https://doi.org/10.1016/j.gfj.2020.100539>
- Nor Balkish Zakaria, Mohamad Azwan & Rabiatal Adawiyah. 2012. "The Construct of Sukuk, Rating and Default Risk", *International Congress on Interdisciplinary Business and Social Science 2012. Procedia Social and Behavioral Sciences* 65: 662-667.
- Nugraha, A. C. (2020). Penerapan Teknologi Blockchain dalam Lingkungan Pendidikan. *Jurnal Produktif*.
- Nursilah A. & Syazwani A. R. (2014). Investigating Stock Market Reactions on Sukuk Issuance Based on Ratings. *Prosiding 4th International Conference on Business and Economic Research (4th ICBER 2013)*.
- Rita K. (2020). Manfaat Teknologi Informasi dan Komunikasi di Masa Pandemi Covid 19. *Jurnal Teknologi Informasi dan Komunikasi*.
- Shazib S. & Fatima Z. (2019). *Blockchained Sukuk-Financing. Conference Paper. link.springer.com.*
- Kunhibava, S. Zakariya, M., Muneeza, A. Auwal A. S. & Karim, M. E. (2020). Sukuk on Blockchain: A Legal, Regulatory and Shariah Review. *ISRA International Journal of Islamic Finance*.
- Siti Nabilah E., Shifa M. N. & Mariani A. M. (2018). *Fintech (Blockchain) dan Pengurusan Zakat di Malaysia. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke 13.*
- Siti Zarinah S. (2017). *Perkenal Malaysia Menerusi Blockchain. Hmetro. 23 Jun.*
- Suruhanjaya Sekuriti. (2019). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.*
- Syed Khalid R. (2018). Potential of Waqf in Contemporary World. *Journal of King Abdulaziz University Islamic Economics*. 31(2), 53-69.
- Untung R., Eka P. H. & Dennies D. C. (2020). *Pengaruh Teknologi Blockchain Terhadap Tingkat Keaslian Ijazah. Technomedia Journal.*
- Untung R., Qurotul Ain, M. Yusup & Aulia E. (2020). *Penerapan Teknologi Blockchain Sebagai Media Pengamanan Proses Transaksi E-Commerce. Journal of Computer Engineering System and Science.*
- Zaipul A. Z. (2019). *Apakah Teknologi Blockchain? MelakaKini.*

Nadhirah Sakinah Sidik  
[nadhirahsakinah3012@gmail.com](mailto:nadhirahsakinah3012@gmail.com)  
Pelajar Siswaah,  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
MALAYSIA

Azlin Alisa Ahmad  
[azlinalisa@ukm.edu.my](mailto:azlinalisa@ukm.edu.my)  
Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
MALAYSIA



KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat</b> <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
<b>Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia</b> <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
<b>Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan</b> <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
<b>Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāsid Al-Sharī‘ah</b> <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāsid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
<b>Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law</b> Fahad Mubarak Aldossary	43-54
<b>Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur</b> <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
<b>Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur</b> <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
<b>Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan</b> <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p><b>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</b></p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p><b>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</b></p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p><b>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</b></p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p><b>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</b></p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p><b>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</b></p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p><b>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</b></p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p><b>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</b></p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.